

21 SEP 2000

MAHATHIR-PETROLEUM

AMARAN DR MAHATHIR: JANGAN NAIKKAN HARGA BARANGAN TERLALU TINGGI

SHAH ALAM, 21 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran keras kepada syarikat dan pengusaha tempatan supaya tidak menaikkan harga barangan atau perkhidmatan mereka terlalu tinggi semata-mata kerana kenaikan harga petroleum.

"Jangan sesiapa naikkan harga kerana harga minyak naik. Ini kerana kos bahan api dalam perniagaan kita kadang-kadang paling banyak cuma lima peratus daripada jumlah kos pengeluaran.

"Kalau naik (harga petroleum) 10 peratus, harga minyak cuma 0.5 peratus dari kos pengeluaran," katanya selepas merasmikan Konvensyen Antarabangsa Media mengenai Peranan Media di Negara-negara Berkecuali, di sini.

Oleh kerana kenaikan harga minyak hanya melibatkan peratusan yang kecil dari kos pengeluaran, harga barangan atau perkhidmatan tidak sepatutnya dinaikkan, katanya.

Dalam sektor pengangkutan, kata Dr Mahathir, kosnya mungkin akan meningkat lebih tinggi akibat kenaikan harga petroleum.

"Namun, kita ingin tahu sebesar mana kenaikan itu. Kalau dia 20, 25 atau 30 peratus, dia tak boleh naikkan dia punya tambang atau bayaran lebih dari itu," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir menjelaskan bahawa kerajaan masih mengkaji kenaikan harga petroleum. Masih belum ada sebarang keputusan mengenainya, katanya.

Katanya, kenaikannya mungkin tidak dapat dielakkan memandangkan kerajaan kini memberi subsidi yang besar berikutan harga minyak yang meningkat sekarang.

Kerajaan kini membelanjakan lebih RM1 bilion untuk subsidi minyak, tambahannya.

Dalam pada itu, katanya: "Walaupun kenaikan harga minyak, kerajaan akan tetap memberi subsidi. Kita tidak dapat elak dari memberi subsidi, tapi kita kurangkan subsidi."

Beliau menegaskan bahawa kerajaan sentiasa berhati-hati terhadap kenaikan harga petroleum ini kerana "kita memikirkan tentang kebajikan rakyat". -- BERNAMA

MOT MR JR